

10/04/1999

Enakmen urus air dilulus

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Jumaat - Dewan Undangan Negeri Selangor hari ini sebulat suara meluluskan Rang Undang-Undang Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 yang bertujuan menangani krisis sumber air dan kemerosotan kualiti air, terutama mengatasi masalah pencemaran sungai.

Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata kerajaan negeri berhasrat menubuhkan lembaga pengurusan air itu secepat mungkin dan dijangka beroperasi selewat-lewatnya akhir tahun ini.

Beliau berkata, Rang Undang-Undang Lembaga Urus Air Selangor yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri itu membolehkan kerajaan negeri menubuhkan satu badan khusus untuk menguruskan sumber air di Selangor, menyelaraskan dan mengawasi sebarang kegiatan yang membabitkan sumber air.

Menurutnya, Selangor dijadikan negeri perintis bagi melaksanakan undang-undang itu dengan tujuan menangani krisis sumber air dan kemerosotan kualiti air terutama di beberapa sungai di negeri ini.

"Sebahagian sungai di negara kita tercemar termasuk di Selangor membabitkan Sungai Bernam, Sungai Selangor, Sungai Tengi, Sungai Langat dan Sungai Buloh.

"Keputusan menubuhkan lembaga urus air secara bersepadu ini kena pada tempatnya bagi membolehkan satu institusi yang ada kuasa undang-undang menangani masalah pengurusan air agar sumber air, termasuk kolam, tasik dan paya dapat diuruskan dengan mapan," katanya dalam sidang akhbar selepas sidang Dewan Undangan Negeri yang berlangsung di sini, hari ini.

Terdahulu, Rang Undang-Undang Lembaga Urus Air Selangor itu dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Teknologi Maklumat, Datuk Fuad Hassan dalam sidang Dewan Undangan Negeri Selangor ke-9 yang masuk hari keempat untuk dibahaskan oleh ahli dewan.

Abu Hassan berkata, memang sudah lama kerajaan bercadang mengadakan undang-undang seperti itu malah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah mencadangkan supaya ada satu badan menguruskan sumber air di negara ini terutama air sungai.

"Saya sukacita kerana Selangor dijadikan negeri perintis bagi melaksanakan undang-undang ini. Lembaga Urus Air ini akan berfungsi mengawal selia pengurusan sumber air dan sungai membabitkan pengawalan kualiti air, tebatan air, pemeliharaan sungai dan koridor sungai di samping pengawalan lain-lain sumber air termasuk air tawar dan tasik.

"Penubuhan lembaga itu juga akan mengelakkan sebarang pertindihan tugas antara agensi yang terbabit dengan pengurusan sumber air," katanya.

Menurut beliau, lembaga pengurusan air itu akan dipengerusikan oleh beliau sendiri dengan timbalannya, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ambrin Buang serta pelantikan beberapa ahli lain termasuk Penasihat Undang-Undang, Pegawai Kewangan Negeri, dua ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan lima ahli yang akan dikenal pasti kemudian.

"Buat permulaan, kita bercadang melantik Ketua Eksekutif dengan 10 orang pegawai tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan kerana pelantikan ini perlu dibuat melalui Jabatan Perkhidmatan Awam.

"Jika semuanya berjalan dengan baik, Selangor akan menubuhkan lembaga ini pada akhir tahun ini kerana krisis air perlu ditangani segera," katanya.

Dewan ditangguhkan ke satu tarikh yang belum ditetapkan.

(END)